



TEKS UCAPAN
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
YBHG. TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
DI MAJLIS SANJUNGAN KASIH
YANG BERBAHAGIA PROF. DATO' SERI IR. DR.
ZAINI BIN UJANG, MANTAN NAIB CANCELOR
1 JULAI 2013
DI MANDARIN ORIENTAL, KUALA LUMPUR

JAM: 8.00 MALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،
وعلى آله وصحبه أجمعين.*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

**Mengadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja
Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah,
Canselor UTM.**

**Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun, Sembah
Patik Mohon Diampun,**

Pada malam yang barakah ini, patik dan seluruh warga Universiti Teknologi Malaysia, dengan sepenuh hormat ta'zim, dan tawadhuk merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih, di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith

Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Canselor Universiti Teknologi Malaysia berangkat mencemar duli ke Majlis Sanjungan Kasih Mantan Naib Canselor pada malam ini.

Ampun Tuanku,

Patik dengan sepenuh hormat ta'zim memohon limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengizinkan patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

Yang Amat Berbahagia Tun (Dr.) Abdullah Ayub
dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Anna Abdul
Ranee

Yang Berhormat Dato' Dr Muhammad Ridzuan Salleh, Pro Canselor dan Yang Berbahagia Datin Zan Rokiah Abdul Rahman,

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Salleh bin Mohd Noor, Pro-Canselor dan Yang Berbahagia Puan Sri Habibah Alias,

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Yahya Awang, Pro-Canselor, dan Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Dr. Suraiya Hani Hussein,

Yang diraikan Yang Berbahagia Prof. Dato' **Seri** Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Malaysia, Mantan Naib Canselor UTM dan Yang Berbahagia Datin Seri Dr. Zainah Moktar,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah UTM dan isteri,
Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato,
Datin- Datin
Pegawai-pegawai kanan Universiti, Dekan-dekan,
tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kuasanya, dapat kita bersama-sama lagi pada malam yang penuh bermakna ini untuk meraikan Majlis Sanjungan Kasih Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini b. Ujang sebagai mantan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia.

Setiap pertemuan pasti akan ada perpisahan. Yang pastinya setiap perpisahan

kadangkala bernada melankolik.

Yang Berbahagia Prof Dato' Seri Zaini Ujang begitu serius dengan inisiatif pembudayaan ilmu dalam mengarusperdanakan ekosistem intelektual di kalangan warga universiti. Itulah yang cuba ditunjukkan beliau dalam karyanya "The Soul of Higher Education".

Apabila mengenang kembali saat-saat saya dan ahli-ahli LPU yang lain bersama Prof. Dato' Seri Zaini, pasti akan menggamit kenangan yang sukar dilupakan. Pelbagai usaha bersama beliau untuk menggembeling idea dan perencanaan, perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam pelbagai slot perbincangan, mesyuarat dan majlis - majlis rasmi Universiti. Selain itu, program-program

retreat Pengurusan Universiti yang turut melibatkan kehadiran LPU meninggalkan banyak kenangan tersendiri saya bersama beliau.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

Sesungguhnya, UTM amat bertuah mempunyai seorang Naib Canselor yang begitu energetik, berwawasan tinggi serta tidak pernah jemu menerobos idea-idea dan pendekatan baru untuk diperkenalkan dalam memastikan transformasi dan pembangunan universiti ini sentiasa berterusan dan mapan . Pengalaman dan pengetahuan luas beliau sebagai tokoh akademik dilihat amat komprehensif. Apa yang kita kenali, Dato' Seri Zaini adalah seorang tokoh penulis yang banyak menghasilkan buku-buku dan jurnal-jurnal berimpak tinggi. Selain

itu, beliau juga seorang penyelidik bertaraf antarabangsa dalam bidang rawatan air, strategi pelestarian sumber dan ekologi industri. Kehebatan beliau dalam kedua-dua bidang ini telah dikongsi bersama-sama rakan-rakan seperjuangan beliau dan seluruh warga UTM.

Secara peribadi saya amat bangga dengan pencapaian-pencapaian yang diperolehi UTM di bawah kepimpinan Dato' Seri Zaini. Dari awal saya menyaksikan bagaimana beliau menyusun strategi dan inisiatif yang bersesuaian, menyemak kembali sama ada elemen-elemen yang digunakan masih bersesuaian atau tidak dan seterusnya dengan melaksanakan perancangan tersebut. Oleh itu, tidak hairanlah di bawah kepimpinan beliau, banyak pencapaian dan kejayaan yang diperolehi UTM

seperti status Universiti Penyelidikan dan status Universiti berautonomi. Malahan harapan saya semasa pelantikan beliau sebagai Naib Canselor UTM untuk membawa perubahan yang besar bagi UTM telah benar-benar dapat direalisasikan dengan cemerlang sekali, bahkan lebih dari yang saya harapkan.

Idea-idea baru serta pendekatan yang transformative berjaya dikongsi dalam pelbagai medium pertemuan seperti mesyuarat, diskusi dan termasuklah yang dilahirkan terus kepada warga universiti melalui sesi-sesi perhimpunan bulanan beliau yang pada hemat saya TIDAK pernah sekali pun gagal dijalankan. Semasa sesi-sesi pertemuan dan perhimpunan inilah, beliau banyak berkongsi maklumat, info-info terkini UTM, pencapaian,

penganugerahan, berkongsi pengalaman beliau dengan pihak-pihak luar serta menzahirkan hasrat dan cita-cita beliau untuk kecemerlangan UTM kepada seluruh warga UTM.

Para Hadirin dan Hadirat sekalian,

Di kesempatan ini, saya mewakili ahli-ahli lembaga Pengarah Universiti yang lain mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof Dato' Seri Zaini di atas segala sumbangan, jasa, bakti serta komitmen yang telah beliau curahkan sepanjang menerajui UTM sehingga berada di satu tahap yang amat mengagumkan.

Adalah diharapkan agar *legacy* yang ditinggalkan oleh beliau tidak akan terhenti di sini bahkan sebaliknya diperkasakan lagi oleh pengganti beliau bersama barisan pengurusan universiti dalam menyambung perjuangan yang telah ditinggalkan.

Seterusnya, saya bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti juga turut ingin melahirkan rasa bangga dan mengucapkan Setinggi-tinggi tahniah kepada Prof Dato Seri Zaini atas perlantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan jawatan dan amanah yang disandang ini, saya berharap agar Dato Seri Zaini akan terus komited merencanakan lagi pembudayaan ilmu seperti yang telah dilaksanakan di UTM untuk diaplikasikan di seluruh negara.

Di samping itu, besarlah harapan saya dan semua ahli Lembaga Pengarah agar Dato seri terus bersama-sama menjadi penasihat dan pembimbing kepada Universiti Teknologi Malaysia yang dicintai ini agar terus maju dan harum di dalam dan di seluruh dunia.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menghadiahkan pantun khusus untuk Yang Berbahagia Prof. Dato Seri Zaini dan Yang Berbahagia Datin Seri Zainah Moktar:

Kalau ada pauh didaik
Bawa sebiji ke tanah seberang
Kalau ada budi yang baik
Sampai mati dikenang orang.

Saya ucapkan selamat maju jaya kepada Prof Dato
Seri Zaini Ujang.

Sekian,

Wabillah hitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullah hiwabarakatuh.

Terima Kasih.